

DOJ DAN SAYA

Chedet.cc

5 July 2017

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Saya bangga kerana ada orang yang menyatakan saya boleh arah Department of Justice Amerika Syarikat membuat sesuatu. Jika saya dapat arah sebuah agensi Kerajaan Amerika Syarikat, lama sudah sipolan-sipolan ditangkap dan dituduh mencuri berbilion dolar Amerika. Dah lama sudah hukuman yang setimpal dikenakan kepada sipolan itu.
2. Malangnya saya sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia yang tidak ada gigi tidak mempunyai apa-apa pengaruh, jauh sekali berkuasa mengarah mana-mana agensi Kerajaan Amerika Syarikat, bahkan agensi Kerajaan Malaysia pun.
3. Apa yang dilakukan oleh Department of Justice Amerika Syarikat ialah bertindak ke atas mereka yang terlibat dengan pembersihan wang haram di Negara Amerika, bukan di Malaysia. Undang-undang berkenaan jenayah "money-laundering" di Amerika Syarikat amat ketat, tidak seperti di Malaysia, di mana Kerajaan berpuas hati jika 2.6 billion Ringgit yang ada dalam akaun pribadi Perdana Menteri dikatakan derma orang Arab. Pengakuan pihak yang disoal bahawa ia tidak melakukan apa-apa kesalahan memadai untuk menghalalkan pemilikan wang yang begitu banyak.
4. Tuduhan yang dibuat oleh DoJ tepat dan terperinci termasuk berlian berwarna merah jambu yang diberi oleh Jho Low kepada isteri Malaysian Official 1 (Perdana Menteri mengikut pengakuan Pengarah Komunikasi Strategik BN, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Abdul Rahman Dahlan](#)), iaitu Rosmah Mansor.
5. Jho Low dan Riza Aziz sepatutnya pergi ke Amerika Syarikat untuk melawan tuduhan mencuri duit 1MDB. Tetapi mereka tidak berani. Pepatah Melayu berkata, "berani kerana benar, takut kerana salah." Mereka bersembunyi di China dan Malaysia. Sekaligus ia menjadi pengakuan bahawa segala tuduhan DoJ adalah benar.
6. Seorang wanita cantik Australia, (Miranda Kerr) dan pelakon Leonardo DiCaprio sudah kembalikan hadiah yang diberi kepada mereka oleh Jho Low. Bila lagi Rosmah dan penerima-penerima rasuah di Malaysia akan kembalikan duit haram yang dicuri dari 1MDB, kepada rakyat Malaysia. Tetapi mereka muka tebal, tak tahu malu. Bila dituduh mencuri, mereka semua, Najib dan pemimpin-pemimpin UMNO, hanya senyum.
7. Oleh itu tuduhlah saya, seorang yang tidak berkuasa, telah arah kuasa besar Amerika Syarikat membuat laporan palsu terhadap Najib, sahabat Obama dan rakan golfnya, Trump.
8. Hanya yang bangang sahaja yang akan percaya. Berkesan sungguh dedak yang di masuk ke dalam telinga, mata dan mulut oleh Najib, raja wang tunai.

77 thoughts on "DOJ DAN SAYA"



1. [Log in to Reply milshah Jul 13, 2017 11:09 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

Selamat Hari Lahir. Semoga sentiasa berbahagia dan sihat sejahtera hendaknya.

Alhamdulillah, sejak PPBM ditubuhkan pada Sept 2016 (saya boleh ingat sebab saya menjadi ahli pada bulan yang sama), semakin ramai menjadi ahli dan memberi sokongan kepada PPBM dan Pakatan.

Saya rasa fasa pertama telah pun selesai. Rakyat mula memahami dan menerima mengapa PPBM ditubuhkan. PPBM juga telah pun lengkap dengan membuka beratus-ratus Bahagian dan Cawangan di seluruh negara. Disamping itu, PPBM menjadi ahli ke-4 dalam Pakatan Harapan. Semuanya dilakukan dalam jangka masa yang pendek. Tahniah kepada kepimpinan PPBM dan ahli-ahli PPBM kerana telah sampai ke tahap ini.

Fasa kedua adalah penerangan kepada orang ramai khususnya kepada orang-orang Melayu kenapa kerajaan Najib perlu ditumbangkan dalam PRU 14. Saya rasa ini sedang giat dijalankan oleh kepimpinan PPBM mengadakan roadshow di seluruh negara. Tahniah!

Fasa ketiga adalah sama seperti fasa kedua, cuma ianya lebih mencabar. Kepimpinan PPBM perlu ambil maklum walaupun ramai yang hadir dan menjadi ahli PPBM dalam roadshow, kita tidak mahu "convert the converted". Kita tidak mahu berucap hanya pada mereka yang sudahpun buat keputusan untuk undi Pakatan.

Perlu diingat dalam PRU 13, terdapat 52% telah mengundi Pakatan Harapan. Daripada 52% ini, apabila PPBM ditubuhkan, ada pengundi-pengundi tegar UMNO seperti saya dan juga ahli-ahli UMNO telah beralih sokongan kepada Pakatan. Mungkin sokongan Pakatan pada ketika ini adalah 60% disebabkan penambahan PPBM dalam Pakatan.

Fasa ketiga adalah cuba memenangi lebih ramai pengundi-pengundi atas pagar khususnya Melayu dan juga pengundi tegar UMNO. Mereka ini lebih sukar untuk diyakinkan. Di dalam blog ini pun kita dapat lihat beberapa komen-komen tegar penyokong BN. Bagaimana menangani kelompok pengundi ini?

Pertama sekali, PPBM bersama Pakatan Harapan, perlu beranikan diri dan berjumpa dengan kelompok pengundi ini. Mungkin melalui telefon atau rumah ke rumah. Ini perlu dilakukan oleh ahli-ahli PPBM dan Pakatan. Saya baca saudara Rafizi sedang membuat inisiatif seperti ini dengan mencari sukarelawan melalui inisiatif Invoke. Mengapa tidak guna tenaga ahli-ahli Pakatan yang sedia ada?

Kita perlu kenalpasti punca yang menyebabkan kelompok ini tidak dapat undi Pakatan. Mengapa begitu kuat sokongan mereka terhadap UMNO?

Saya tidak pasti sebab kajian perlu dilakukan dahulu. Tetapi antara komen-komen biasa penyokong tegar UMNO ini ialah sudah lama mengundi UMNO sejak beberapa generasi, tanpa UMNO orang Melayu akan mundur, tidak dapat sokong Pakatan kerana DAP, dan tidak faham apa tu 1MDB.

Walaupun alasan-alasan ini tidak dapat diterima akal, tetapi itulah pendapat pengundi-pengundi atas pagar dan tegar UMNO. Mau tidak mau, kita kena jawab juga dan patahkan hujah mereka kerana kita mahukan undi mereka.

Pakatan mungkin sedang pegang 60% jumlah pengundi tetapi jumlah ini perlu ditingkatkan lagi. Jumlah ini hanya dapat ditingkatkan jika kita dapat yakinkan pengundi-pengundi atas pagar dan tegar UMNO supaya beralih ke PPBM dan Pakatan.

Pengundi-pengundi tegar UMNO yang perlu PPBM dan Pakatan yakinkan untuk beralih ke Pakatan adalah seperti orang kampung Melayu, askar-askar, polis-polis, penjawat-penjawat awam dan pengundi-pengundi melalui pos.

Dalam pada kita cuba mengambil pengundi-pengundi tegar UMNO, perlukah kita risau UMNO pula mengambil pengundi-pengundi Pakatan?

Kita tidak perlu risau. Mereka yang selamat beralih arah ke Pakatan tidak mungkin undi UMNO kembali.

Ini kerana, pengundi yang sudah beralih arah adalah kerana skandal 1MDB. Strategi MO1 yang tidak mahu 1MDB dibincangkan atau didebatkan telah memakan diri sebab selagi isu 1MDB tidak dibincangkan atau didebatkan selagi itulah pengundi-pengundi beralih arah ini tidak mungkin kembali ke UMNO.

Jadi, kelebihan adalah pada Pakatan untuk menambahkan pengundi tetapi UMNO hanya dapat mempertahankan pengundi sedia ada dengan tiada harapan langsung untuk mengambil pengundi-pengundi Pakatan. Pakatan is on the offensive and the momentum should continue, while UMNO is on the defensive. Offense is always the best defense.

2.  [Log in to Reply](#) **musato** [Jul 12, 2017 8:10 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Pakpandir08,

Saya pun mahu menyamar, tetapi entah macam mana ada satu masa tu pergi ke majlis ceramah Tun, diaorang fokuskan kamera ke muka saya terus. Lama pulak tu, lebih kurang 10 minit.

Saya gelabah, nak buat muka macam pulak dah. Jadi, saya buat muka serius dengar Tun bercakap.

Saya tak biasa dengan orang ramai. Dulu cikgu kata pemalu orangnya.

Sampailah sekarang. Itu hari, masa temuduga perniagaan dengan majlis, 7 orang penemuduga dan saya seorang.

Kekadang soalan yang ditanya tidak ada kena mengena dengan tujuan temuduga.


Habis ditanya mengundi di mana? Bayar zakat di mana?

Saya diam sahajalah sebab saya malu. Saya seluar jeans sahaja, sedangkan penemuduga berkot dan bertali leher di bilik penghawa dingin.

Entahlah, dulu kalau saya berkot dan bertali leher serta bersongkok, ada la jugak si gadis nak bergambar.

Tapi saya silap kata "lain kalilah bergambar".

Terima kasih Tun.

3.  [Log in to Reply Hajar](#) Jul 12, 2017 4:39 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Mohon izin Tun:

"SELAMAT HARI LAHIR YANG KE-91 KEPADA TUN DR. SITI HASMAH".

Saya doakan Tun Hasmah dipanjangkan umur dan sentiasa sihat sejahtera di samping Tun Mahathir.

Terima kasih Tun.

-Semoga Allah SWT sentiasa melindungi dan merahmati Tun sekeluarga-

4.  [Log in to Reply pakpandir08](#) Jul 12, 2017 2:26 PM

Kepada saudara Hajar,

A. MENYAMAR?

(1) Pakpandir itu satu cerita yang dikongsi di sekolah sejak kecil, dia menjadi satu "character" yang amat menarik yang diketahui umum

- Adalah satu kebiasaan apabila orang Malaysia menggunakan perkataan tempatan (localization) semasa bergaul, kecuali golongan yang kurang bergaul dengan kaum lain
- Kalau ikut logik kamu, ramainya mat sallah disini. Entah "Musato" itu bangsa apa itu? Saudara "Musato" ini memang teruk, menyamar sebagai orang asing nak buat kacau disini?
- Takkan kamu nak saya menggunakan nama Jeneral Empayar China untuk berhujah disini?
- Sebagai golongan minoriti, adalah perlu untuk menyesuaikan diri dan menggunakan istilah seharian masyarakat tempatan semasa bergaul dengan golongan majority
- Pada diri saudara Hajar, sekiranya kaum lain mengekalkan unsur kaumnya semasa bergaul, kamu suruh orang balik China/India. Sekiranya kaum lain menyesuaikan diri dengan unsur-unsur tempatan, kamu pula maki-hamun katakan orang menyamar?
- Kamu boleh tuduh saya menyamar sekiranya saya menggunakan nama dengan "Bin" atau "Binti", atau pun saya menggunakan istilah-istilah Islam semasa memberi ucapan. Adakah saya lakukan perkara sedemikian?
- Bukankah saya telah mengatakan bahawa saya seorang Cina dalam blog ini apabila ternampak kamu mempunyai persoalan mengenainya? Kalau nak menyamar, buat apa saya berbuat demikian?
- Sebablah itu saya menyindir kamu, bahawa kamu mempunyai prasangka terhadap kaum lain yang amat mendalam. Apa-apa yang kaum lain katakan, semuanya salah

B. Bolehkah kamu berkongsi mana satu ungkapan yang saya katakan kamu memaki hamun saya kerana saya FASIH dalam BM?

- Saya hanya tanya kamu adakah disebabkan saya berhujah dalam BM disini menyebabkan salah

faham?

– Sekiranya ada orang lain disini yang salah faham juga, mungkin saudara Hajar boleh menuntut pendapat mereka mengapa mereka juga salah faham? Adakah disebabkan nama Pakpandir atau pun semata-mata berhujah dalam BM?

C. Maki-hamun

– Saya sudah pun berkongsi dengan anda bukti-bukti bagaimana kamu maki-hamun, dengan “link” sekali

– Renunglah semula, gaya kamu berhujah disini, penuh dengan kebencian, beremosi, kemarahan, mencaci dan maki-hamun (rujuk kepada “link” yang saya kongsi)

D. Golongan kamu

– Baca sekali lagi apa yang satu tulis, kamu digolongkan sebagai golongan yang “kurang elit”, dan bukannya golongan “bangang”. Tahukah anda apa bezanya?

E. Cerminkan diri

(1) Kamu sering maki-hamun kaum lain (rujuk “link” yang saya bagi), mencaci kaum lain amat memalukan sekiranya tidak fasih dalam BM

– Apabila kamu mencaci orang lain, baik juga kamu mencerminkan diri sendiri dahulu

– Manusia yang rasional biasanya akan mencari jalan mempertabatkan bahasa sendiri agar kegunaannya diperluaskan, dan bukannya mencaci orang lain yang tidak fasih

– Kamu sepatutnya menunjukkan teladan dengan memperkukuhkan bahasa sendiri sebelum mencaci orang lain

– Perkataan seperti “pengomen” yang digunakan saudara Hajar tidak sesuai dipergunakan dan sepatutnya perkataan “penghujah” adalah lebih sesuai. Perlukan orang bukan Melayu seperti saya berkongsi dengan kamu apakah sebabnya kenapa saya katakan demikian? Pakailah perkataan-perkataan tulen BM dan kurangkan perkataan-perkataan BM yang berasal dari bahasa English. Fahamkah anda?

– Untuk saudara Hajar, apabila kamu gelar orang lain sebagai bangang itu adalah tepat. Apabila kamu digelar bangang pula kamu mengamuk?

Fikir-fikirlah dan sedarkan diri kenapa anda perlu masa yang begitu lama untuk berkongsi bukti-bukti bahawa saya mencaci kaum lain seperti apa yang kamu lakukan? Saya masih menunggu-nunggu dengan perkonsian kamu, bersungguh-sungguh ya?

5.



[Log in to Reply](#) **adelheid** Jul 12, 2017 11:51 AM

Dear Tun,

Today is Tun Siti Hasmah’s 91st birthday, only a couple of days away from yours on the 10th. I would like to wish Tun Siti Hasmah through this blog of yours a very blessed 91st birthday, many happy returns of this day, may Allah bless her with health, love, happiness, may Allah protect her wherever she goes.

A long list of wishes for both of you dear Tun Dr Mahathir and Tun Dr Siti Hasmah. May both of you live to see our country be freed and saved from the tyrant's kleptocratic rule and Malaysia become a normal country to call home.

I love you Tuns berdua. Take good care and stay safe always.



6. [Log in to Reply Karl Iskandar Jul 12, 2017 10:36 AM](#)

Saman DoJ tak menjadi. Jho Lo yang menjadi fokus skandal masih menjalankan bisnes seperti biasa.

Sekarang ni orang bisnes akan elak guna sistem kewangan US, dan beralih ke EU, Russia dan China.

Baguslah US dah expose kelemahan sistem kewangan mereka.

Bank Negara Malaysia perlu ambil pengajaran, kerana banyak maklumat sulit pelanggan bank di Malaysia tidak dilindungi BAFIA, telah menjejaskan integriti BNM sendiri.



7. [Log in to Reply zulu Jul 12, 2017 9:57 AM](#)

Najis, the MO1 penchuri says...

PM: 1MDB has done its fair share of good

Yes, good for him and the penchuri's in his family...



8. [Log in to Reply sibotak Jul 12, 2017 8:20 AM](#)

Keresahan yg berlengu Malaysia adalah
System Pentakbiran Kerajaan Malaysia yg Tidak pernah Betul dari dulu lagi
Tidak ada Kawalan yg Terperinci , Transparent , Tegass dan Cekap

Hingga PM bolih masukan duit sewenangny ke dalam account beliau
hingga berbillion dollar

Ini Perdana Menteri , si Penyagak Menteri yg lain pula macam mana ?

Nak salah kan Najib pun susah , hai duit jalan depan mata , Rosmah pula sangsing kain, tak ada system
yg memantau dengan sempurna

Hai....Kasi Pak Imam pun Pak Imam sebat

Ini adalah Kelemahan manusia yg tak perlu di debat, ini kenyataan

Maka Satu system yg Kukuh mesti di practikan Kerajaan Malaysia

Lihat contoh terdekat, Singapura

Yg mempunyai system Pentakbiran Kerajaan yg Professional ,Effective ,Efficient
entah apa lagi . Kerajaan PAP mereka begitu Mantap lagi Professional

Jika mereka tidak mempunyai system sedemikian saya yakin
PM Lee Hsian Loong pun ikut sama PM Najib
Besok kita akan lihat di akhbar , PM Lee & PM Najib berjoli di Chiang Mai

Jadi kita perlu amik kira , amik berat
Dimana Salahnya kita , bukan Siapa yg salah
Dimana salah adalah punca siapa yg salah

Jadi para Menteri Badan Masing masing
Perlu pertingkatkan Kawalan , mesti lebih Effeictive ,Efficients, Professional
Jangan asik MEETING nak Mencekik saja
Jangan nak mengatal nak pakai Secretary yg muda muda lagi cantek
Jangan lebih Gaya dari Buat

System Kerajaan Malaysia mesti di UBAH, Full Complete Renovation

9.  [Log in to Reply](#) **sibotak** Jul 12, 2017 7:49 AM

Kejatuhan Najib , Maruah beliau Tercemar
Adalah akibat perbuatan beliau sendiri yg beliau tidak seharusnya menuduh Tun atau sesiapa pun .
Lihat dari awal pentakbiran Najib , banyak yg tidak betul

Jika betul tak akan rakyat buat bising , takakan Tun Mahathir sampai buka Parti Baru BERSATU dengan
alasan untuk anaknya Mukhliz jadi PM
Setakat Tun nak jadikan Mukhliz PM dari dulu lagi semasa Tun berjawatan PM , Beliau juga bolih ikut
cara Lee Kuan Yew yg memastikan anaknya jadi PM ,Lebih lagi Lee Kuan Yew tidak berganjak. Beliau
masih memegang jawatan Senior Mentor Minister . Tak pernah Pemerintah lain buat , LKY buat

Begitu juga dahulu Najib jadi Menteri Pertahanan memang beliau tidak layak
Sampai Jet Enjin Kapal Terbang TUDM Malaysia bolih hilang
Eh.... apa punya Menteri lah ini
Jaid Benda Busuk Kami Satu Malaysia tidak bolih Simpan
Kami kena buang yg keruh ambil yg jernih
Ini benda dah busuk satu Dunia tahu, lagi masih nak menidak

Terlalu banyak Kegagalan ,Kerugian yg telah dilakukan Najib
Namakan saya satu perkara yg Najib buat yg membanggakan Malaysia ?
Apa Dia ?
Cincin yg debeli untuk Rosmah ?
Penipuan yg di lakukan oleh JHO IOW yg Najib tidak bertindak ?
Filem Najis Anak Tiri Najib ?

10.  [Log in to Reply](#) **E.S. Shankar** Jul 12, 2017 7:22 AM

Hi, how can I send you a private mail? To which email address? Tqvm

11.  [Log in to Reply musato](#) Jul 12, 2017 7:10 AM

Assalamualaikum Tun.

Alhamdulillah sebab nampaknya Bersatu semakin diterima ramai orang.

Satu dua berita sebelum ini hanyalah propaganda untuk menjatuhkan imej Bersatu iaitu menyerang Bersatu dari dalam.

Juga kelihatan nama Anwar turut dimainkan bagi menghakiskan keyakinan rakyat pada Bersatu.

DAP turut dijadikan alat bagi membuktikan Pakatan tidak kukuh.

Darurat mungkin diistiharkan jika pembangkang menang? Itupun ada logiknya.

Dan seperti biasa. Manusia merancang Allah swt yang tentukan.

Aku bertawakal kepadaMu Ya, Allah.

Terima kasih Tun.

12.  [Log in to Reply Hajar](#) Jul 11, 2017 11:44 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Mohon izin Tun:

Sdr. 'Pakpandir08',

Saya akan menjawab tohmahan2 anda (Jul 10, 2017 10:35 AM) satu persatu kerana saya bukan jenis yang suka menuduh melulu dan selalu 'tersalah tembak' (blunders) seperti anda:

/// (1) Kesan cerita hantu & mitos-mitos ///

Komen saya:

– Sebenarnya tahap kefahaman anda yang lemah kerana anda gagal untuk memahami 'sindiran' saya (maksud tersirat). Mari kita imbas kembali apa sebenarnya yang berlaku (isu bangang dan mitos/cerita hantu rekaan anda):-

– Tun telah menulis ayat berikut: "Hanya yang bangang sahaja yang akan percaya". (Tun merujuk kepada mereka yang percaya bahawa Tun "telah arah kuasa besar Amerika Syarikat membuat laporan palsu terhadap Najib...".)

– 'Pakpandir08' pula menulis (sedutan): "Sebab itulah mereka jadi bangang hari ini, dengan mitos-mitos Tun dahulu mengenai campur tangan kuasa asing, ejen-komunis, ejen-yahudi, perkauman, agama, ancaman minoriti dan lain-lain.."

Tiba-tiba saya pula yang dijadikan contoh 'Penyokong tegar' Tun, dan contoh nyata 'kesan mitos dan cerita hantu Tun' (fitnah) anda.

Fakta #1: Saya tidak percaya bahawa Tun berupaya memberi arahan kepada kuasa besar Amerika Syarikat. Jadi tuduhan anda 'Pakpandir08' adalah palsu/fitnah. Mengapa pula saya yang dituduh 'bangang' dan percaya kepada 'mitos dan cerita hantu' (fitnah kotor anda)? Apa hak anda untuk membanggakan saya? Cerdik sangatkah anda? Apa kelayakan akademik tertinggi anda? Sila jawab pertanyaan2 saya, dan kita lihat siapa yang lebih wajar digelar bangang!

Fakta #2: Jika benar saya 'penyokong tegar' Tun, mengapa saya boleh pula 'ingkar' rayuan (permintaan) Tun supaya Pembangkang diundi pada PRU-14? Orang bangang saja yang tidak tahu apa makna 'penyokong tegar'.

Anda menulis dan berhujah berbelit-belit sehingga terbelit leher sendiri dan hilang punca apa sebenarnya isu yang diperdebatkan ('DOJ DAN TUN').

/// (2) Sejak bila saya menyamar sebagai orang Melayu / Islam? ///

Komen saya:

- Nama samaran anda bersifat 'Kemelayuan'. Di Malaysia, orang Melayu dan Islam berkait rapat (tafsiran yang salah boleh berlaku).
- Adakah anda tidak nampak bahawa ada pengomen yang fikir anda seorang ISLAM?
- Mengapa anda tidak betulkan tanggapan salah pengomen (sebelum saya kata anda bukan seorang Islam)? Bukankah ini petanda bahawa anda menyamar?
- Warga Malaysia yang tidak fasih BM sepatutnya MALU dengan diri sendiri. Namun anehnya ada yang rasa bangga dan boleh lagi menghina tahap penguasaan BM orang lain. Orang ini wajar di'sekolahkan'.
- Sila tunjukkan ayat-ayat MAKI HAMUN saya kepada anda kerana 'kononnya' saya memaki hamun anda kerana anda FASIH dalam BM.
- Maaf 'Pakpandir08', saya rasa tahap BM anda biasa-biasa saja. Janganlah perasan yang anda FASIH dalam BM. Malahan anda tidak dapat menulis seperti seorang Melayu (jati).
- Dari cara penulisan anda, saya sudah tahu anda bukan Melayu Islam (saya telah tahu sejak pertama kali saya baca komen anda). Ada cacat-celanya penulisan anda. Jadi berhentilah dilanda perasaan 'megah' bahawa BM anda bagus.
- Tun pernah jadi Presiden UMNO, iaitu parti Melayu Islam. Biasanya tuduhan, hinaan dan fitnah anda sentiasa ditujukan kepada parti dan Pemimpin UMNO sahaja (parti orang Melayu Islam). Mengapa tiada hinaan terhadap pemimpin2 parti2 lain di dalam BN? Secara nyatanya anda memang menunjukan hinaan anda terhadap bangsa Melayu Islam. Adakah parti2 lain dan parti2 Pembangkang tidak pernah buat salah. Jika anda seorang yang profesional / rasional, sudah pasti anda juga turut mengutuk / mengkritik pemimpin Pembangkang yang ada buat salah. Namun, hakikatnya anda bukan seorang yang profesional.
- Tidak ada salahnya menyebut tentang agama bila berhujah (agama tercatat dalam Rukun Negara/Perlembagaan). Bukankah anda yang mengatakan bahawa guru Sejarah anda (Aliran Sastera?) mendidik anda bahawa agama itu 'panduan hidup'?
- Siapa agaknya golongan 'Yang BANGANG'. Jika Tun ialah pencerita hantu, sudah semestinya 'Yang BANGANG' ialah golongan yang menyokong Tun (ahli2 biasa UMNO + pengundi2 lain - majoriti Melayu Islam). Jadi sahlah anda amat membenci Melayu Islam dengan hinaan 'Yang BANGANG' anda.

/// (3) Kenapa kamu diambil sebagai contoh?

– Kerana kamulah satu-satunya penghujah disini yang menunjukkan kesan-kesan yang amat nyata daripada cerita hantu & mitos-mitos Tun ///

Komen saya:

– Rujuk kepada “(1) Kesan cerita hantu & mitos-mitos”
– Apa hak anda untuk menghina saya kerana tidak menyokong Pembangkang? Apa kata anda pergiampus...boleh kan? Anda amat memualkan!

/// (4) Nilai ///

Komen saya:

– ‘Pakpandir08’, anda tidak sesuai untuk bercakap tentang nilai-nilai murni/mulia.
– Seorang yang mulia tidak akan memfitnah dan menghina orang lain.
– Saya kira anda telah gagal menghayati didikan dari guru anda yang amat anda sanjungi. Jika beliau masih hidup sudah pasti beliau akan berasa amat kecewa kerana mempunyai seorang pelajar yang biadab dan tidak tahu adat bila memasuki ‘rumah’ @ blog orang lain.
– Sebagai tetamu di blog ini, kelakuan anda yang sentiasa mencela, mengutuk dan memfitnah Tun dalam apa jua keadaan dan sentiasa menyalahkan Tun untuk segala kesalahan yang dilakukan oleh orang lain termasuk segala salah laku rejim Najib (dan semasa zaman Pak Lah lagi) amat kurang ajar.
– Anda tidak tahu menghormati Tun Mahathir, bekas PM yang juga pemilik blog ini.
– Anda tiada ciri-ciri orang yang mulia kerana galak memfitnah, menghina, mencela dan mengutuk orang lain yang tidak bersetuju dan berlainan pandangan politik dari anda.

Akhir sekali, memang sia-sialah kehidupan anda selama ini jika adab penting bagaimana cara menghormati bekas PM yang pernah berjasa kepada Negara pun anda tidak tahu. Sia-sia jugalah kehidupan anda selama ini kerana tidak tahu adab bila berada di ‘rumah/blog’ orang lain, dan boleh dengan sewenang-wenangnya menghina dan memfitnah ‘tuan punya rumah/blog’.

Terima kasih Tun.

-Semoga Allah SWT sentiasa melindungi dan merahmati Tun sekeluarga-

13.  [Log in to Reply Hajar](#) Jul 11, 2017 11:06 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Mohon izin Tun:

Sdr. ‘Pakpandir08’,

1. Anda memang seorang yang tidak tahu malu dan tidak faham bahasa. Sejak dari dulu lagi anda dengan muka tidak tahu malu masuk ke blog Tun (yang ibarat ‘rumah’ Tun), dan tanpa segan silu menghina, mengutuk dan memfitnah Tun (‘tuan rumah’ @ tuan punya blog).

2. Jika ada yang tidak faham langsung (paling jahil) berkenaan adat serta adab sopan di blog ini (milik seorang Negarawan dan bekas PM yang berjaya dan disegani ramai), orang itu ialah anda.

3. Perkara asas seperti menghormati 'tuan punya blog' pun ada tidak faham walaupun anda telah menjadi tetamu di blog ini sejak dari awal lagi (dari awal Chedet diperkenalkan).
4. KEBENCIAN anda yang amat mendalam terhadap UMNO/BN dan Tun mendorong segala perlakuan biadab anda terhadap Tun, dan juga terhadap orang yang tidak sama fahaman politik dengan anda.
5. Saya sendiri tidak pernah pergi ke mana-mana blog Pembangkang untuk semata-mata menghamburkan kata-kata hinaan dan fitnah terhadap pemilik blog seperti yang anda sedang lakukan. Agaknya siapa yang penuh dengan sifat kebencian yang mendalam terhadap pihak lawan (musuh politik)? Anda atau saya? Sila jawab.
6. Lagi satu, sila fahami ayat Tun seperti berikut: "Hanya yang bangang sahaja yang akan percaya." Anda sudah merapu meraban kerana tidak berhujah berdasarkan konteks ('context') artikel ini ('DOJ DAN SAYA'). Saya beri pandangan ini supaya anda tidak nampak lebih 'bangang' bercerita tentang (fitnah) 'mitos dan cerita-cerita hantu' yang kononnya memberi kesan nyata terhadap saya (tuduhan anda). Anda melabel saya sebagai salah seorang 'yang bangang' yang disebut oleh Tun dalam artikel ini. Nampaknya tahap kefahaman anda amat lemah, tetapi berlagak pandai! Alahai!

Terima kasih Tun.

-Semoga Allah SWT sentiasa melindungi dan merahmati Tun sekeluarga-

14.  [Log in to Reply](#) **Mat.Tandang** Jul 11, 2017 7:37 PM

Salam Tun,

Salam bloggers,

1. Saya rasa tak payah pjg pjg lagi isu kaum ni, stright to the point, mari kita bantu Tun untuk menawan kembali kerajaan.
2. Sy ulang lagi ketika mengundi JANGAN UNDI UMNOBNPAS DAN BEBAS, yang lain boleh seperti DAP, PKR, Amanah, Bersatu.
3. Kerjasama semua kaum amat penting.
4. Kpd ahli umno atau sekutu bn, renung dan kaji apa yg dikata oleh Tun dlm blog atau video, cuba sekali dengar dan baca, otak anda akan mula berfikir dgn baik dan dpt menilai mana yg baik dan buruk sebenarnya.

15.  [Log in to Reply](#) **anti rasuah** Jul 11, 2017 1:42 PM

Assalamualaikum Tun.

Selamat menyambut ulang tahun kelahiran ke 92.

SEMUGA ALLAH SENTIASA MERAHMATI TUN DAN DIBERI KEKUATAN DARI SEGI MENTAL DAN FIZIKAL.

TERUSKAN PERJUANGAN HINGGA TITISAN DARAH TERAKHIR.

KAMI AKAN TERUS BERDOA UNTUK KESEJAHTERAAN TUN.

AAMIIN.

16.  [Log in to Reply](#) **farock** [Jul 11,2017 1:18 PM](#)

Salam

Happy delated birthday Tun

17.  [Log in to Reply](#) **pakpandir08** [Jul 11,2017 12:05 PM](#)

Kepada saudara Hajar,

Bukannya susah nak buktikan perangai kamu, kerana sekian lama kamulah satu-satunya yang sering bertengkar dengan penghujah lain dengan isu perkauman dan pembangkang

Saya cuma gunakan masa 5 minit, mencari nama kamu dengan search feature dalam wordpress, dan inilah bukti-buktinya:

(1) Mencaci orang yang tidak fasih dalam BM, dan mengecam orang yang fasih BM sebagai penyamar pula (ada bukti saya menyamar? kamu menuduh semata-mata kerana saya fasih BM?)

Link:-> <http://chedet.cc/?p=1025>

"Ini kerana banyak dari kalangan mereka ini (serta keturunan mereka) yang masih lagi tidak tahu berbahasa Melayu. Buat MALU saja jadi rakyat Malaysia"

(2) Benci kepada kaum lain dan anggap mereka semua syaitan

Link:-> <http://chedet.cc/?p=1010>

"Sikap kiasu Cina beliau memang jelas"

Link:-> <http://chedet.cc/?p=1010>

"Kepada Dato' Seri Najib, sedarlah yang kaum Cina tidak akan mengundi anda cuma kerana anda popular; mereka pandai bermuka-muka/berpura-pura. Mereka cuma mengambil kesempatan di atas kelemahan anda"

Link:-> <http://chedet.cc/?p=998>

"Apa yang saya nampak (sebagai pemerhati) ialah kaum Cina boleh mempertikai Perlembagaan Malaysia sewenang-wenangnya"

Link:-> <http://chedet.cc/?p=768>

"Sebenarnya, jika BUKAN Melayu yang menjadi Ketua Kerajaan Negeri (termasuklah dari parti Gerakan), orang Melayu memang terpinggir"

(3) Benci kepada pembangkang semata-mata kerana membangkang

Link:-> <http://chedet.cc/?p=1010>

DSN kena dengar nasihat Tun – “Jangan bagi muka sangat kepada Pembangkang..”

*Kepada Hajar: Banyak lagi hujah kamu tentang pembangkang, nak paparkan semua? Tun sekarang dikira sebagai pembangkang. Nampaknya DSN telah mengambil nasihat kamu, sebab itu beliau tidak beri muka kepada Tun hari ini ... hehe

KESIMPULAN:

(1) Bukti-bukti diatas tidak mencukupi untuk menunjukkan sikap kamu yang amat benci kepada kaum lain? Hanya perlu 5 minit untuk buktikan

(2) Bukankah hujah-hujah kamu menunjukkan bahawa kamu menganggap kaum lain itu semua syaitan? Sikap satu kaum itu kiasu, bermuka-muka, ambil kesempatan, menindas sekiranya memimpin – Adakah rasional sekiranya apabila saya nampak seseorang kaum lain membuat jahat, lepas itu saya memekik kaum tersebut jahat, dan kaum saya paling unggul kerana kaum saya sendiri tiada seorang pun yang jahat?

– Tidak mampukah kamu bezakan apa itu manusia dan kaum? Manusia itu semuanya ada kelemahan dan ada yang jahat. Manusia itu melakukan jahat disebabkan kelemahan manusia dan bukannya atas sifat bangsa/kaum?

(3) Ataupun adakah kamu tidak pandai berbahasa dalam BM (bahasa ibunda kamu) sebab itu ungkapan kamu menyebabkan salah faham daripada saya?

Fikir-fikirlah kamu sendiri ... disamping itu, masih menunggu-nunggu perkonsian fakta daripada kamu untuk yang berikut:

(1) Saya menyamar

(2) Hujah saya menghina/mencaci/mengecam kaum lain. Tak payah banyak, kalau kamu dapat satu hujah dari saya pun dah cukup. Saya bersedia memohon maaf mengenainya sekiranya kamu boleh kongsi di sini (cuba kamu carikan bersungguh-sungguh ya?)

18.  [Log in to Reply khai](#) Jul 11, 2017 2:49 AM

Salam tunnn

salamat hari lahir tun semoga panjang umur di murahkn rezeki...

pakpandir08 ni bukan calang2 org...mungkin pakpandi08 lowyerr kat area putrajaya....hahaaj8

19.  [Log in to Reply Mat.Tandang](#) Jul 11, 2017 2:08 AM

Salam Tun,

Salam bloggers,

1.Negara yg bakal ditakbir oleh Pakatan Rakyat ialah kerajaan yg penuh bersemangat membela rakyat.

2.Dimana bahagian keuangannya dan khazanah negara ditadbir oleh YB Rafizi, yg memantau secara detail utk membangun semula negara yg di hancur kan najib serta koncu koncu bye.

3.Wawasan 2020 bakal tercapai walaupun hanya tinggal kurang 3 tahun dari sekarang.

4.Tidakkah rakyat Malaysia mahu melihat kemakmuran negara, kemajuan teknologi, nilai negara menjadi berganda ganda malah berpuluh kali ganda dr skrg.

5.Ketua penyamun dan 40 koncu penyamun sudah lenyap dan senyap tidak berkata. Tidak bersuara dan tidak mampu mengangkat muka sekali pun.

6.Berlinang air mata melihat kemenangan Pakatan Rakyat dan 'Nyawa'negara Malaysia bernafas kembali krn selama ini tercekik oleh perbuatan anak bangsa sendiri.Menderhaka kepada negara yg anda pijak tanah nya dan menjunjung langit nya tidak terlepas dari balasan. Jangan kamu ingat negara ini tidak bernyawa, tidak berdarah, kerana sumpah tanah tumpah darah ku, mengalir kedalam bumi Malaysia ini. Pertahankan negara dan jaga maruah negara.

20.  [Log in to Reply musato](#) Jul 10, 2017 10:17 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya mintak maaf sebab tidak dapat hadirkan diri pada majlis di Melaka semalam.

Ada rancangan mahu pergi, tetapi tidak dapat.

Mungkin terlalu ingin beraya terbuka dengan Tun semalam, sampai saya bermimpi di subuh hari, Tun mari duduk di sebelah saya secara peribadi sambil menonton gelagat orang awam di satu tempat yang suram.

Saya tanya Tun datang sorang je ke?...Tun kata ada 8 orang lagi. Ye la, stanby kat tepi la kan.

Ini dah masuk 3 kali saya bermimpi jumpa Tun. Atau mungkin Tun juga menunggu kedatangan saya sebagai ahli PPBM dan bahagian.

InsyAllah ada waktu lain kali saya akan bersalam/ziarah Tun lagi.

Terima kasih Tun.

21.  [Log in to Reply sibotak](#) Jul 10, 2017 8:53 PM

Selamat Hari Raya & A Happy Birthday to
Tun Mahathir Mohamed

92 Tahun eh !

Tulang Besi Urat Dawai

Masih Steady & Handsome lagi

Tak macam si Gemuk Najib tu

Confirm mesti laki bini ada Kencing Manis

Banyak tuduhan terhadap Tun yg tidak munasabah olih penganut sesat UMNO

Seolah Tun nak jatuhkan Najib kerana kepentingan Tun sendiri

Tun sudah 92 , tidak mungkin orang tua yg berusia 92 tahun masih nak membendung anaknya .Tetapi demi Negara demi Agama

Si tulang besi urat dawai masih berjuang untuk jatuhkan

Perdana Menteri Malaysia yg tak betul

Kalau betul takkan lah kita nak jatuhkan Najib
Benda da busuk , satu dunia dah tahu
Masih nak simpan si Bangkai busuk ini lagi ke ?

Kalau benar Najib betul
Saya sebagai Rakyat biasa , cabar Najib bawa kes 1MDB ke muka Keadilan
Takkan lah satu dunia dah tahu , takada satu penyagak 1MDB di Malaysia tidak di Tangkap
.....Impossible...impossible
So tak payah kita simpan Bangkai Busuk
Masuk Aisbox pun tak guna



22. [Log in to Reply](#) **Karl Iskandar** Jul 10, 2017 8:43 PM

Happy 92nd Birthday DrM

May Allah place light in your heart
And light in your speech
And light in your hearing
And light in your sight.

Allahumma.



23. [Log in to Reply](#) **Hajar** Jul 10, 2017 6:00 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

“SELAMAT HARI LAHIR YANG KE-92 TUN”.

Saya doakan Tun dipanjangkan umur dan sentiasa sihat sejahtera.

Semoga impian, doa, dan usaha gigih Tun untuk membantu rakyat Malaysia menyingkirkan ‘Raja Wang Tunai @ PM Kleptokrat’ menjadi kenyataan dalam masa terdekat ini.

Terima kasih Tun.

-Semoga Allah SWT sentiasa melindungi dan merahmati Tun sekeluarga-



24. [Log in to Reply](#) **Hajar** Jul 10, 2017 5:55 PM

Salam YAB dan Yang DiKasihi Tun,

Sambungan kepada komen saya (Jul 9, 2017 5:24 PM) bagi menjawab mitos dan cerita hantu & dongeng serta fitnah dan tohmahan yang dicanang (Jul 6, 2017 6:20 PM) oleh Sdr. ‘Pakpandir08’ sejak sekian lama:

1. 'Pakpandir08' kata: **"(3) Beliau tidak akan menyokong pakatan harapan yang dibentuk oleh pembangkang, hanya parti BERSATU sahaja – Ini disebabkan kebencian yang amat mendalam pada diri beliau terhadap parti pembangkang"**

Komen saya: Saya tidak menyokong PH atas dasar perjuangan dan ideology mereka yang tidak bertepatan dengan ideology, prinsip dan objektif saya dalam kehidupan dunia-akhirat. Tuduhan liar 'Pakpandir08' berniat jahat. Sebenarnya 'Pakpandir08' yang ada kebencian yang amat mendalam terhadap UMNO/BN dan orang Melayu/Islam sejak sekian lama disebabkan percaya kepada 'mitos bangang dan cerita2 hantu' yang beliau dan geng reka (untuk kepentingan politik kotor). Tidak menyokong Pembangkang tidak membawa maksud saya membenci parti Pembangkang; saya ada ramai kenalan dan saudara-mara yang menyokong Pembangkang dan saya masih beraya bersama mereka baru-baru ini.

2. 'Pakpandir08' merumuskan: **"Inilah yang disemai oleh Tun semasa pentadbiran beliau ... mengkafirkan orang lain, membenci kaum lain, pembangkang semua itu ejen kuasa asing"**

Komen saya: 'Pakpandir08' memang jaguh dalam memfitnah; saya telah jawab kesemua tohmahan/fitnah beliau kecuali yang berkaitan dengan Pembangkang sebagai ejen kuasa asing. Saya tidak pernah buat kenyataan "pembangkang semua itu ejen kuasa asing" seperti yang didakwa oleh 'Pakpandir08'. Sila buktikan jika ada. Seingat saya saya cuma pernah bangkitkan isu tentang kenyataan Anwar tentang keselamatan Israel & juga mengenai ada pemimpin2 Pembangkang yang menggesa campur tangan orang/kuasa asing dalam kes-kes mahkamah Anwar (kes I*wat). Berikut satu contoh (fakta):-

Sila lihat video berikut mengenai Anwar (suara beliau sendiri) – "I Support All Efforts To Protect The Security Of The State Of Israel – Anwar Ibrahim.

<https://www.youtube.com/watch?v=7c1TvXfJJic>

Mohon 'Pakpandir08' beri penjelasan tentang kenyataan Anwar.

3. Hakikatnya, 'Pakpandir08' giat menuduh dan memfitnah orang lain membenci kaum lain, tapi diri sendiri yang bersikap sedemikian – amat membenci Tun M (dulu Presiden UMNO) dan kaum Melayu/Islam (politik kotor – menyemai kebencian di kalangan masyarakat pelbagai kaum). Hipokrit tahap tertinggi! Sebab itu 'Pakpandir08' tidak mahu orang kenal identiti kaum dia. Alahai...dia ingat semua orang "bodoh-bodoh belaka" @ bangang. Jadi siapa yang benar-benar bangang wahai 'Pakpandir08'?

P/S: Alahai... 'PakPandir08' semakin keliru tentang pelbagai kategori (golongan) orang yang dia senaraikan (<http://chedet.cc/?p=2561#comment-138959> – Jul 7,2017 3:24 PM) kerana terlalu kreatif memfitnah! Agaknya saya dalam kategori mana ye? Kelakar sungguh cara 'PakPandir08' memfitnah. FAKTA pun banyak yang salah, tetapi ada hati mahu menggelar orang lain 'bangang'.

Terima kasih Tun.

-Semoga Allah SWT sentiasa melindungi dan merahmati Tun sekeluarga-

25.  [Log in to Reply Kamarulaznan](#) Jul 10, 2017 3:25 PM

Assalamualaikum,

Menarik juga untuk dikaji semula apakah punca-punca kejatuhan empayar Uthmaniah menurut sejarah Islam?

Adakah kerajaan Islam Uthmaniyah ketika itu mengalami bebanan hutang yang semakin meruncing? Adakah rasuah sesuatu yang diamalkan oleh penguasa-penguasa yang diberi kepercayaan oleh khalifah-khalifah ketika itu? Adakah khalifah-khalifah ketika itu sudah tidak mengikut cara hidup yang digariskan oleh Islam atau setidaknya-tidaknya mereka melampaui batas dalam kepentingan diri dan keluarga?

26.  [Log in to Reply johnmansfield](#) Jul 10, 2017 2:01 PM

Tun,

A bit off topic. Happy Birthday. Good luck in the future. It would have been my Mothers birthday tomorrow. So I'll be popping up the graveyard.

All the best,

[John Mansfield](#)

27.  [Log in to Reply drrafick](#) Jul 10, 2017 1:22 PM

Happy Birthday Tun M. May Allah help us by keeping you healthy and to lead this nation again. We need you more than ever. Selamat Hari Ulang Tahun ke 92

28.  [Log in to Reply pakpandir08](#) Jul 10, 2017 10:35 AM

Kepada saudara Hajar,

Apabila tak faham bahasa, inilah yang terjadi

(1) Kesan cerita hantu & mitos-mitos

- Kamu sendiri dah mangaku kamu hanya akan memberi undi kepada BERSATU, dan bukannya Pakatan Harapan (terutamanya DAP & PKR)
- Tun sendiri sedar bahawa secara bersendirian, BERSATU tidak akan berjaya. Sebab itu sokongan yang BERPADU dari pembangkang amat diperlukan
- Inilah kesan yang Tun perlu menghadapi, untuk meyakinkan orang untuk menyokong "hantu" yang mereka gelar selama ini
- Kalau tak faham-faham lagi, teruklah taraf kefahaman kamu

(2) Sejak bila saya menyamar sebagai orang Melayu / Islam?

- Inilah satu juga kesan daripada pentadbiran Tun yang memecah-belahkan masyarakat hari ini
- Apabila kaum lain tak fasih Bahasa Melayu, golongan seperti kamu mencaci katakan orang tak hormat dengan perlembagaan. Apabila kaum lain fasih Bahasa Melayu, kamu pula mencaci katakan orang menyamar. Fasih pun kena maki-hamun, tak fasih pun kena maki-hamun?
- Bolehkah kamu tunjukkan bukti bagaimana saya menyamar? Pernahkah setiap kali berhujah saya menggunakan istilah-istilah orang Islam / Melayu untuk menyamar (ada contoh)? Atau kamu membuat tuduhan hanya semata-mata saya fasih dalam BM?
- Inilah satu contoh yang baik, setiap kali berhujah kamu pasti akan membezakan dahulu penghujah itu Islam/bukan Islam, Melayu/bukan Melayu. Kamu lebih ambil berat apakah kaum/agama penghujah daripada kandungan hujah
- Untuk mengelakkan diri daripada digelar penyamar, adakah semua orang perlu memberi pendahuluan sebelum berhujah seperti "Kalian semua, saya ini seorang Islam/bukan Islam, Melayu/bukan Melayu sekarang saya ingin memberi hujah saya xxxxxxxx"?

(3) Kenapa kamu diambil sebagai contoh?

- Kerana kamulah satu-satunya penghujah disini yang menunjukkan kesan-kesan yang amat nyata daripada cerita hantu & mitos-mitos Tun

(4) Nilai

- Saya sebagai seorang Cina yang mengikuti mata subjek Sejarah Islam semasa tingkatan 6. Bertuah sekali menemui guru subjek berkenaan yang bukan sahaja BERAGAMA Islam, tetapi BERJIWA Islam (sikap, tingkah laku dan pertuturan beliau jelas menunjukkan beliau seorang yang mulia)
- Walaupun bukan pandai sangat, namun sekurang-kurangnya mempunyai sedikit pengetahuan mengenai Sejarah Islam (dari zaman Jahiliah ke zaman kegemilangan, tokoh & kalifah-kalifah, penghijrahan & lain-lain)
- Walaupun saya bukan seorang umat Islam, adakah ia satu kesalahan (dituduh sebagai penyamar) apabila saya menyerap nilai-nilai ataupun unsur-unsur yang baik dari agama lain untuk memperbaiki apa yang kekurangan pada diri saya (seperti apa yang saya belajar dari subjek Sejarah Islam)?
- Walaupun sebagai seorang "Pak Pandir" yang bangang seperti yang digelar oleh kamu, namun saya masih percaya bahawa mendekati agama/kaum yang lain dapat membuka mata sendiri dan berfaedah, daripada mencaci/menghina/memperbesarkan kelemahan agama/kaum lain untuk menunjukkan bangsa sendiri lebih unggul
- Selain itu pada pandangan saya, undi kepada BN pada pilihanraya yang lalu tidak sesuai digunakan sebagai ukuran adakah kamu racis atau tidak. Pada saya, undi itu lebih bersifat politik. Racis atau tidak sebenarnya dinilai dari pertuturan, pendekatan, pemikiran, keterbukaan dan toleransi seseorang kepada kaum/agama lain
- Saya berfikir sedemikian bukannya kerana saya pandai, tetapi disebabkan saya amat bertuah menemui seorang guru tingkatan 6 yang mendidik saya bahawa agama itu satu panduan hidup, dan bukannya senjata untuk bertelingkah semata-mata nak buktikan siapa lebih unggul. Bayangkan sekiranya saudara Hajar kamu sebagai guru saya dahulu, mampuslah hari ini saya akan jadi seorang yang siang malam bertengkar dengan kaum/agama lain disebabkan perkara yang remeh-temeh

Kalau tak faham lagi, memang sia-sialah kamu hidup selama ini

29.  [Log in to Reply](#) **Dave Copper** [Jul 10,2017 9:02 AM](#)

YABhg Tun,

Selamat Hari Jadi.

Semoga dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki, diurniakan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan selalu.

30.  [Log in to Reply](#) **Mat.Tandang** [Jul 10,2017 1:21 AM](#)

Salam Tun,

Salam bloggers,

1.Tak boleh tahan dah tengok berita TV3, tengah lepak dgn rakan, tiba tiba keluar zahid hamidi, apa lagi sampai nak terberak ketawa.

2.Lepas tu siap dia suruh 2 babun umno yg selalu bermusuhan bersalam, lepas tu berpeluk lepas tu bercium.

3.Satu kedai mamak ketawa sampai muntah tengok, adoi yai, dah terdesak sangat ke bro.

4.Skrng masa utk serious, yg kau kata suruh Tun rehat dan berdiam apa pasal.

5.Zahid, kau dah tahu bangkai gajah sekor dah berulat busuk di putrajaya, usaha jgk cari daun pisang tutup,muka gajah tu pulak iras menteri putrajaya, semua org dah bau.

6.Lagi kau suruh senyap

31.  [Log in to Reply](#) **adelheid** [Jul 10,2017 1:08 AM](#)

Dear Tun Mahathir,

Happy 92nd birthday dearest Tun, many happy returns of the day, may Allah bless you with good health, love, happiness, may Allah protect you always.

Take heart for we are with you. The people are with you. We will never forget the Dr. Mahathir Mohamad who has touched so many hearts throughout your tenure as the 4th Prime Minister of Malaysia and up till this day at this age you still capture as many hearts.

We love you Tun Mahathir, stay strong and determined as you are. Don't ever look back, don't feel sad, the sun will rise and shine tomorrow for you and me and all of us.

Take good care Tun and be safe always wherever you go. Happy birthday!

32.  [Log in to Reply](#) **musato** [Jul 9,2017 10:44 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Saya ada satu rahsia.

Rahsianya saya nak bagitau semua yang Tun dah tua. Esok dah berumur 92 tahun.

Selamat Menyambut Hari Jadi, Tun.

Sama tarikh dengan anak saya 10 Julai. Dan sakning baru balik dari beli kek.

Kenapa saya nak bagitau rahsia bahawa Tun sebenarnya dah tua? Sebab dalam kes untuk mengenakan tindakan kepada Najib melalui perundangan, iaitu sesuatu yang memang di luar jangkaan saya, Tun fikir Tun boleh mengalahkan saya la...(dulu saya ambil perkataan 'saya adalah rakan sparring')

Tun ada keluarkan kenyataan akan buat sesuatu 'diluara jangka'.

Ya, mungkin tidak menjadi di dalam Malaysia. Tetapi berlaku juga kejadian yang memang diluara jangkaan, saya kira Tun juga begitu.

Kita tak boleh mengarah sesuka hati negara lain untuk mengambil tindakan ke atas Najib. Apatah lagi Najib kelihatan amat baik dengan Obama dan Trump.

Tetapi jangan ingat orang bukan Muslim atau negara lain tidak berpegang pada nilai kejujuran dan amanah dalam membina ketamadunan mereka.

Tamadun tidak akan membangun tanpa prinsip yang baik baik. Bagi yang tidak punyai prinsip dan nilai baik baik, tentulah tidak akan dapat membina tamadun. Contohnya, seperti keadaan Malaysia sekarang ini.

Dulu kita berbangga dengan negara. Sekarang tidak lagi. Hampir semua orang bercakap mengenai keadaan Malaysia. Tauke kedai runcit pun cakap pasal Najib dengan saya.

Dulu lepas Tun bersara 2003, tetiba jugak datang seorang tauke kedai runcit mamak berkata "kamu kena ingat 13 Mei" semasa saya sedang bekerja.

Kemudian datang lagi tauke petrol stesen cina berkata "dulu gua kerja kotor susah susah, sekarang lu kerja dalam penghawa dingin"

Kemudian datang lagi Melayu berkata "kamu kena baca buku untuk berjaya"

Kemudian datang lagi berkata "simpan duit kamu setiap bulan"

Semua itu adalah nilai nilai baik yang dianjurkan oleh orang orang yang suka memberi nasihat kepada kita.

Kita orang Melayu kaya dengan sejarah. Kita berkata pada orang yang berjasa dan menjaga negara dengan baik selama ini "kamu menjual negara kepada orang luar, kamu pengkhianat!"

Tokku Paloh (1818-1918) menghina British dengan berkata ambillah tanah ini dan bawa balik ke negara kamu.

Adakah kita fikir, anak cucu kemudian hari tidak akan berprinsip seperti beliau juga? Bodohkah orang Melayu mencipta pepatah kuah tumpah ke nasi?

Kita dibutakan dengan sifat kita sendiri. Kita fikir orang sama kemahuan dengan diri kita. Kita mahu kaya, kita mahu pangkat, kita ada rahsia tertentu dan kita fikir semua orang begitu.

Ya, semua orang begitu. Itu yang kita fikir.

Dulu sebulan dua sebelum MH 307 hilang tanpa dapat dikesan, kedua dua mata saya terasa bergerak gerak lebih kurang dalam jangka masa sebulan. Saya terfikir kenapa? Kenapa lama sangat ni?

Dan sehari dua ini saya mendapat petanda lain di kawasan badan yang lain pulak. Saya fikir kenapa pula?

Mungkin sekadar kebetulan. Mungkin sekadar selingan.

Semoga Malaysia dirahmati Allah swt sentiasa.

Selamat Menyambut Hari Jadi, Tun.



33. [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** Jul 9, 2017 9:40 PM

Assalamualaikum, Tun.

